



FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA

Pengakuan Keaslian Penulisan

Julia Binti Mustafa

nama Calon:

No. Pendaftaran: PGA 97171

Tajuk Kertas Projek: **Kebolehan Metakognitif Di Kalangan Pelajar**

..... **Tingkatan Empat Dalam Penulisan Karangan**

Pendidikan Bahasa

bidang Pengkhususan:

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya terdapatnya hasil kerja orang lain atau hak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvesyen akademik yang sesuai. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

.....  Tarikh: **2 - 3 - 2000**

..... **Handwritten signature**

KEBOLEHAN METAKOGNITIF DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DALAM PENULISAN KARANGAN

Julia Binti Mustafa

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan

2000

Perpustakaan Universiti Malaya



A510304664

OK

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kebolehan metakognitif pelajar tingkatan empat dalam penulisan atau metapenulisan (*metawriting*). Kajian juga melihat tahap subkomponen metakognisi dalam penulisan iaitu pengetahuan metapenulisan dan juga subkategorinya iaitu pengetahuan metapenulisan terhadap diri (*person*), tugas-tugas (*tasks*) penulisan dan strategi (*strategy*) penulisan. Selain itu, kajian juga melihat tahap kebolehan subkomponen metakognisi yang kedua iaitu tahap pemantauan dan pengendalian kendiri (*monitoring and self regulating*) pelajar dalam penulisan karangan. Kajian ini juga melihat korelasi tahap metapenulisan dengan prestasi penulisan karangan. Selain itu, kajian juga melihat korelasi tahap subkomponen metakognisi dalam penulisan iaitu pengetahuan penulisan serta subkategorinya iaitu pengetahuan metapenulisan terhadap diri (*person*), tugas-tugas (*tasks*) penulisan dan strategi penulisan dengan prestasi penulisan karangan. Di samping itu, kajian juga melihat korelasi tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan dan juga korelasi antara variabel-variabel ini mengikut kaum. Tidak ketinggalan juga, kajian ini melihat korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan kebolehan metapenulisan karangan, dan juga korelasi Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan serta subkategorinya iaitu tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri, terhadap tugas dan terhadap strategi penulisan. Kajian juga telah meninjau korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan subkomponen metapenulisan iaitu pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar semasa menulis. Selanjutnya, kajian ini juga telah melihat korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap metapenulisan dan juga korelasi dengan setiap subkomponennya, termasuk juga subkategorinya seperti yang disebutkan mengikut kaum. Kaedah yang digunakan ialah

kaedah tinjauan (*survey*) dan data dipungut dengan menggunakan instrumen soal selidik. Sampel kajian adalah terdiri daripada 80 orang pelajar perempuan dari sebuah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Convent, di Teluk Intan, Perak. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kebolehan metapenulisan pelajar secara keseluruhannya adalah sangat tinggi, begitu juga dengan tahap pengetahuan metapenulisan. Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri pula adalah tinggi tetapi tahap metapenulisan terhadap tugas dan strategi adalah sangat tinggi. Walau bagaimanapun, tahap pemantauan dan pengendalian pula adalah tinggi. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan dengan prestasi penulisan karangan. Begitu juga tidak terdapat korelasi antara tahap pengetahuan metapenulisan serta subkategorinya iaitu terhadap tugas dan tahap pemantauan dan pengendalian kendiri dengan prestasi penulisan karangan. Walau bagaimanapun, terdapat korelasi antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri dan strategi dengan prestasi penulisan karangan. Tidak terdapat juga korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR pelajar dengan tahap metapenulisan mereka. Di samping itu, dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan. Tidak terdapat juga korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap metapenulisan terhadap diri, dan juga dengan tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat korelasi yang signifikan antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas dan strategi. Dapatan juga menunjukkan tidak ada korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan pelajar dengan prestasi penulisan karangan bagi pelajar Melayu.

Metacognitive Ability Among Form Four Students in Writing Composition.

This research aimed at finding out students' metacognitive competence in writing or metawriting. Addition to that, it investigate the level of subcomponents of metacognition in writing; the knowledge in metawriting and its subcategoricals such as metawriting knowledge of person, writing tasks and writing strategy. Besides that, this research aimed to find out the level of competence of students in the second metacognition component; the students' level of competence in monitoring and self- regulating in writing compositions. This study look at the correlation between the level of metacognition component and students performance in writing composition. The correlation of the level of competence in the metacognition subcomponent which are the knowledge of metawriting and its subcategories such as metawriting knowledge of person, tasks and strategies in writing composition were investigated too. Other than that, the correlation between the level of students' competence in monitoring and self regulating in writing composition and their performance in writing composition, and the correlation between variables of race were also analysed. A part from that, this research focused on the correlation of student's performace PMR Bahasa Melayu and their metawriting ability, and the correlation of the performance Bahasa Melayu PMR and the level metawriting knowledge and its subcategories. Finally, This research analysed the correlation between the students performance in PMR Bahasa Melayu with metawriting level and the correlation with other subcomponent; monitoring and self-regulating. The method used was survey method and the data was gathered using questionnaire. The samples were 80 female students from SMK Convent, Teluk Intan Perak. The findings of this research indicated that the level of students' metawriting ability in general and the level metawriting knowledge were very high. The level of metawriting knowledge of person was high but the level metawriting ability toward tasks and strategies were very high. However,

the level of monitoring and self-regulating ability were high. Besides that, research indicated that there was no correlation between the level of metawriting ability with the students' performance in writing composition. There was no correlation between the level of metawriting knowledge and its subcategories towards tasks and level monitoring and self-regulating with the performance in writing composition. Correlation between the level of metawriting knowledge of person and strategies with the performance in writing composition does exist. However, there is no correlation between the students' performance in PMR Bahasa Melayu with metawriting. There is no correlation between the students' performance in PMR Bahasa Melayu with the level of metawriting knowledge of person and the students' monitoring and self-regulating abilities. However, there is significant correlation between students' performance in PMR Bahasa Melayu and the level of metawriting knowledge toward tasks and strategies. Other than that, this research indicated too that is no correlation between the students' level of metawriting and their writing performance for Malay and non Malay students.

Penghargaan

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya, kajian ini berjaya disempurnakan.

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penasihat dan penyelia, Professor Madya Dr. Mohammad Haron yang banyak memberi tunjuk ajar, dorongan, nasihat, dan bimbingan yang bermakna sejak dari awal sehingga selesai kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak kerana memberi kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Pengetua Sekolah Menengah Convent kerana memberi kerjasama kepada pengkaji untuk menjalankan kajian di sekolah berkenaan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pelajar-pelajar yang memberi kerjasama dan respon yang baik kepada soal selidik yang dikemukakan.

Ucapan terima kasih seterusnya diucapkan kepada kakitangan pejabat, kakitangan Perpustakaan Fakulti Pendidikan, dan kakitangan Perpustakaan Utama Universiti Malaya atas segala bantuan dan perkhidmatan yang mereka telah berikan.

Pengkaji juga mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami, Khairi yang banyak membantu dan mendorong pengkaji menyiapkan kajian ini, juga kepada anak-anak tersayang Nur A'izzaty Husna dan Dzarrin Hafidz.

Ucapan terima kasih juga kepada Bonda Serimah dan Ayahanda Mustafa serta ibu dan bapa mertua kerana banyak memberi dorongan dan doa atas kejayaan anaknya.

Akhir sekali diucapkan terima kasih juga kepada sahabat handai, rakan, dan individu secara langsung dan tidak langsung yang turut membantu dan mendorong saya menyiapkan kajian ini.

JULIA BINTI MUSTAFA

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
JUDUL	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xii
BAB I PENGENALAN	
Kepentingan kemahiran menulis	1
Menulis sebagai satu proses	3
Model proses menulis Flower dan Hayes	4
Metakognitif	5
Teori metakognitif Flavell	6
Penyataan masalah	9
Kepentingan kajian	11
Tujuan kajian	11
Soalan-soalan kajian	12
Batasan Kajian	13
Definisi Istilah	14

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN	15
Proses penulisan	17
Tinjauan kajian metakognitif	20
Metakognitif dalam penulisan	24
Kesimpulan	25
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	
Rekabentuk kajian	26
Sampel kajian	26
Instrumen kajian	28
Pembinaan bahan kajian (instrumen)	29
Prosedur kajian	31
Proses penganalisisan data	32
BAB 4: ANALISIS DATA	
Pendahuluan	36
Analisis Dapatan Kajian	36
Rumusan	67
BAB 5: RUMUSAN KAJIAN	
Ringkasan kajian	68
Perbincangan	69

Kesimpulan	74	
Cadangan kajian lanjut	75	
Rujukan	76	
Lampiran A	Soal Selidik	80
Lampiran B	Surat kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan	83
Lampiran C	Surat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak	85

Senarai Jadual

No Jadual		Halaman
1.	Taburan sampel mengikut kaum	26
2.	Taburan sampel mengikut keputusan Bahasa Melayu PMR	27
3.	Taburan sampel mengikut pencapaian ujian karangan Jenis ekspositori	27
4	Taburan sampel mengikut pencapaian ujian karangan Jenis deskriptif	28
5	Tahap metapenulisan karangan di kalangan pelajar	36
5.a..i	Tahap pengetahuan Metapenulisan Pelajar Terhadap diri	38
5.a.ii	Tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap tugas	39
5.a.iii	Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan	43
5.b.i	Tahap pemantauan pelajar dalam penulisan karangan	46
5.b.ii	Tahap pengendalian pelajar dalam penulisan karangan	50
6	Korelasi metapenulisan dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar	55
6.a	Korelasi pengetahuan metapenulisan dengan prestasi penulisan pelajar	56
6.a.i	Korelasi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar	57
6.a.ii	Korelasi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar	58
6.a.iii	Korelasi pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan	58
6.b	Korelasi pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan dengan prestasi penulisan	60

7	Korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap kebolehan metapenulisan	61
7.a.i	Korelasi pencapaian bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan di kalangan pelajar	62
7.a.ii	Korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas penulisan di kalangan pelajar	63
7.a.iii	Korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan di kalangan pelajar.	64
7.b	Korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap tahap pemantauan dan pengendalian kendiri dalam penulisan karangan di kalangan pelajar	65
8	Korelasi tahap kebolehan metapenulisan karangan pelajar dengan pretasi penulisan karangan mengikut kaum	67